



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	7/12/2019	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Tarif air di Perak kekal

Kerajaan negeri mampu tanggung subsidi pengguna domestik

SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Kerajaan Perak tidak bercadang untuk menaikkan kadar tarif air buat masa ini khususnya bagi penggunaan domestik.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Lembaga Air Perak baru-baru ini bahawa kadar tarif air di negeri itu kekal.

Menurutnya, Kementeri-



Ahmad Faizal (lima dari kiri) merasmikan Karnival Jom Crazy di kompleks membeli-belah AEON Big Falim semalam.

rian Air, Tanah dan Sumber Asli memang telah berbincang dengan negeri-negeri berhubung keperluan tarif itu dinaikkan malah kajian sejak tahun lalu juga telah dibuat mengenai perkara itu.

“Untuk negeri Perak, kita memikirkan belum tiba masanya untuk kita menaikkan tarif air bagi pengguna

domestik. Jika ada keperluan menaikkan tarif mungkin pengguna komersial itupun dalam kadar yang sangat minimum.

“Memang ada keperluan untuk menaikkan tarif tetapi setakat ini kita mampu menanggung subsidi pengguna domestik,” katanya selepas merasmikan Karni-

val Jom Crazy di kompleks membeli-belah AEON Big Falim di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar bahawa semua negeri bersetuju untuk menaikkan tarif air tahun hadapan.